

02/06/2002

Bom Hindu dan Islam: Malapetaka yang memusnahkan

INDIA sebuah demokrasi terbesar di dunia. Pakistan pula satu negara Islam yang diperintah oleh tentera hampir separuh daripada usia kemerdekaannya.

Di India, yang terus membelah perpaduan kaum ialah agama Hindu dan Islam. Dalam India orang Islam hanya 12 peratus daripada jumlah penduduk 1.1 bilion dan di Pakistan terdapat hanya dua peratus Hindu daripada seramai 157 juta rakyatnya.

Semenjak kedua-dua negara itu merdeka pada bulan Ogos 1947, perhubungan di antara mereka bak kata Mat Salleh "have been strained and embittered, especially over the long-standing dispute over Jammu and Kashmir" - perhubungan mereka ternyata terus tegang dan kecewa sebab utamanya ialah kehadiran berterusan masalah Jammu dan Kashmir (sebuah negeri tunggal majoriti penduduknya Islam dalam kesatuan India. Paradoknya Maharajanya Hindu sebelum merdeka).

Kashmir menjadi matlamat kedua-dua negara itu dari awal lagi. Dalam peperangan tahun 1947-48, keputusannya wilayah Kashmir berpecah dua: satu ditadbir oleh Pakistan dan satu lagi oleh India. Peperangan berulang lagi pada tahun 1965 dan sekali lagi tahun 1971 yang berkesudahan Pakistan hilang wilayah Pakistan Timur yang menjelma sebagai Bangladesh. Bidan kelahirannya ialah India.

Tiada kurang usaha telah dan sedang dibuat bagi meredakan situasi perang yang kini wujud di mana satu juta tentera akan terbabit dalam pertempuran awal dan konvensional. Kedua-dua negara adalah miskin tetapi dari segi sains dan ketenteraan, mereka tidak mundur. India dan Pakistan adalah kuasa nuklear. Maka besar kemungkinan peperangan terhad atau konvensional itu merebak menjadi peperangan nuklear yang menjadi medan kekuatan bom Hindu dan Islam.

Pendapat antarabangsa nampaknya jelas menyalahkan Pakistan disebabkan negara itu (seperti pendapat dunia menuduh Yasser Arafat), kononnya tidak berusaha secara serius mengawal keganasan di Kashmir yang pendapat dunia menegaskan datang atau walaupun tidak begitu dibantu oleh Pakistan. Ujian peluru berpandu Ghauri dan Ghaznavi dikatakan sebagai provokasi oleh pendapat dunia Barat tetapi tidak pula dianggap demikian oleh India. Perdana Menteri Behari Vajpayee bermadah: "Saya tidak kagum!" India mendahului Pakistan dalam senjata nuklear, barangkali sebab itulah Vajpayee tidak hairan dengan peluru berpandu Pakistan.

Presiden Pakistan, Jeneral Perves Musharraf telah berkali-kali berkata dia telah buat sedaya yang boleh bagi membendung keganasan di Kashmir tetapi kalau kerana itu negaranya diserang, orang Pakistan tegasnya sanggup mati bagi mempertahankan ibu pertiwi mereka, malah Pakistan akan terus memberi sokongan moral kepada pejuang-pejuang yang mahu Kashmir merdeka daripada India. Vajpayee tidak percaya Musharraf jujur dengan pengakuannya. Tegas Vajpayee yang saya berjumpanya di New Delhi dan juga di Kuala Lumpur tahun lepas bahawa kesabaran India makin hilang. Kata-kata seperti ini sebenarnya tidak memberi ruang bagi kedua-dua negara berunding.

Nyata India dan Pakistan tidak menghiraukan pendapat dunia, kedua-duanya bagai berkempen untuk bertempur termasuk peperangan nuklear, satu keadaan dan satu peristiwa dahsyat yang tidak terlintas bagi kebanyakan orang. Sebenarnya, pada persepsi saya, baik India mahu pun Pakistan, usaha mewujudkan suasana perang adalah suatu strategi pintar yang boleh menolong rakyat melupakan tentang kesukaran hidup. Lazimnya, ia berkesan kerana

mereka kenyang menghirup udara nasionalisme masing-masing. Parti pemerintah India BJP yang mahu menegakkan negara Hindu tidak sepopular dulu lagi - kalah teruk dalam pilihan raya dewan undangan negeri, dikecam di dalam negeri dan oleh masyarakat antarabangsa kerana ketidakcekapan dan tuduhan kerajaan BJP bersubahat dengan polis di negeri Gujerat menyebabkan lebih 2,000 orang Islam di wilayah itu terbunuh dan keadaan terus tegang dan membahayakan.

Dasar kehinduan BJP yakni prinsip asas sekularisme negara itu sudah dan sedang dicabuli mengakibatkan perbuatan itu mengancam masa depan minoriti Islam di India. Ungkapan-ungkapan retorika puak Hindu menakutkan, juga apabila retorika sebaliknya dibuat di Pakistan. Kedua-dua retorika itu tidak mewujudkan perasaan harmoni dan muhibah.

Musharraf pula terus ditekan oleh puak militan Islam yang mencabar perikatan negara mereka dengan Amerika Syarikat dalam peperangan melawan keganasan dan tindakannya terhadap puak pelampau Islam. Dua ujian peluru berpandu yang berjaya itu - Ghauri yang mempunyai jarak sejauh 900 batu dan Ghaznavi sejauh 175 batu - telah mengobarkan semangat nasionalisme dan Islam. Bom dan peluru berpandu Islam memberi semangat terbaru dalam retorika terhadap India dan mempunyai keyakinan dan lebih bertekad menghadapi sebarang kemungkinan dari India. Masyarakat antarabangsa berpendapat, dalam peperangan konvensional atau nuklear pun sukar bagi Pakistan untuk menang kerana kedua negara berbeza saiz dari segala aspek, maka mereka pandang Pakistan tidak bijak berperang dengan India buat kali keempat. Mereka menegaskan Pakistan akan kalah.

Masalah Kashmir yang menjadi rebutan, walaupun mengobarkan semangat jihad bagi Pakistan dan semangat fanatik Hindu di India adalah satu asas yang tidak kukuh bagi kedua-dua seteru untuk bergantung. Tiga kali mereka sudah berperang kerananya. Besar kemungkinan Kashmir akan mencetus peperangan kali keempat membabitkan bom Hindu - ditaksir ada 75 peledak nuklear (warheads) dan bom Islam - diramal mempunyai 25 peledak nuklear.

Amerika Syarikat, Britain bekas penjajah di India yang menubuhkan India dan Pakistan (Ogos 1947), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kesatuan Eropah (EU) hatta Australia, New Zealand dan kita pun sedang giat berusaha melalui diplomasi bagi menjauhi kedua-dua negara ini daripada malapetaka yang paling dahsyat dalam sejarah dunia berlaku.

Saya dimaklumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga tidak berdiam diri, sedang diminta oleh negara-negara sahabat supaya terus berusaha mencari jalan penyelesaian, sekurang-kurangnya meredakan keadaan tegang yang kian merbahaya. Malaysia mempunyai hubungan dan ikatan rapat dengan New Delhi dan Islamabad. Kedua-duanya kawan.

Semoga mereka akan mengambil kira pendapat Dr Mahathir atas dasar persahabatan dan bakal Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Saya agak yakin peperangan nuklear tidak akan berlaku.

Kelmarin (Jumaat) saya telah melancarkan naskhah baru akhbar New Straits Times - percantuman dengan Business Times. Sila beli New Sunday Times hari ini. Saya tahu anda akan gembira: mendapat dua akhbar dengan satu harga dan sebuah media yang memberi maklumat dunia, dalam negeri, ekonomi, politik, kebudayaan, pasaran, korporat, sukan dan hiburan dan banyak lagi yang padat, dengan persembahan menarik lagi menawan. Bacalah NST terbaru bagi menambah pengetahuan dan mempertingkatkan kefahaman bahasa Inggeris anda. Baca komen dan analisis yang original dan berani.

Saya bersyukur ramai pembaca e-mel dan menulis kepada saya. Terima kasih tetapi sayangnya saya tidak mampu kalau pun saya cuba menjawab surat dan e-mel itu. Terus menulis dan memberi saya pendapat dan maklum balas (feedback) - saya hargai pendapat yang tulus dan ikhlas. Saya menerima pujian, kecaman dan kritikan yang bertujuan membina bukan bermotif jahat

dan cemburu dari siapa pun asalkan mereka menyertakan nama dan alamat yang benar. Saya gembira beberapa orang walaupun berlainan pendapat dengan saya memberi nombor telefon bimbit dan rumah mereka - tanda kejujuran. Terima kasih. Sekurang-kurangnya mereka ini sedar saya adalah seorang yang toleran dan menggalakkan debat bagi kebaikan majoriti dan menyegarkan minda. Jangan tutup telinga, pejam mata, bekukan hati; lebih mendengar daripada berbicara.

Ramai pelajar e-mel dan menulis mahu maklumat, memohon bantuan, nasihat cara menulis tesis, esei dan ramai meminta bantuan dan pandangan bagi meningkatkan kefahaman bahasa Inggeris dan pengetahuan am. Ada juga meminta nasihat bagaimana mahu menjadi ahli politik, diplomat dan penulis yang berjaya.

Cara terbaik ialah baca, baca, baca NST dan ruangan ini. Juga ruangan "On The Record" setiap hari Rabu dalam NST dan "Diary" dalam New Sunday Times; rencana atau lidah pengarang, analisis, komen dan pendapat pelbagai kolumnis hatta surat-surat daripada pembaca pun amat membuka mata dan meluaskan minda.

Sampai berjumpa minggu depan. Sila beralih membaca NST berwajah baru yang bebas, adil dan kini mempunyai kredibiliti. Cuba baca NST yang berjiwa baru ini.

(END)